



Sirih apabila digabungkan dengan bahan alkaloid yang terdapat dalam buah pinang berfungsi sebagai penenang.



Sirih junjung biasanya diberi oleh pengantin perempuan kepada pengantin lelaki.

Info

Sirih dalam budaya Melayu

→ **Lazimnya** sirih dimakan bersama gambir, pinang dan kapur
 → **Selain** dalam Manuskrip Adat Raja-Raja Melayu, sirih juga disebut dalam Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu dan Hikayat Inderaputera

→ Sirih pun dipersembah keluarga pengantin lelaki kepada pengantin perempuan dan dibalas keluarga perempuan dengan sirih junjung

Kunyah sirih, pinang kurangkan rasa cemas

➔ Kandungan minyak atsiri dalam daun bertindak sebagai bahan penenang

Oleh Siti Haliza Yusop
 shyusop@bh.com.my

► Bangi

Pemberian sirih, iaitu sejenis tumbuhan herba yang mempunyai rasa pedas, sebagai antara hantaran dalam majlis pertunangan atau perkahwinan, menjadi kemestian dalam masyarakat Melayu sehingga hari ini.

Bagaimanapun dalam banyak jenis tumbuhan, mengapakah sirih yang banyak kali disebut dalam teks Adat Raja-Raja Melayu, sekali gus menjadi kemestian dalam perkahwinan Melayu?

Apakah ia hanya adat yang diwarisi semata-mata atau mempunyai elemen lain di sebalik kekayaan kebudayaan Melayu?

Felo Penyelidik Institut Alam

dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Junaini Kasdan, berkata minyak atsiri yang terdapat dalam sirih boleh bertindak sebagai bahan penenang apabila digabungkan dengan arekolina, iaitu bahan alkaloid dalam buah pinang.

Katanya, mengunyah sirih dan pinang dapat mengurangkan rasa takut, cemas serta gemetar yang dialami seseorang yang sangat berguna ketika berbanding, dalam adat peminangan, terutama apabila kedua-dua keluarga baru kali pertama bertemu.

Khasiat makan sirih

Malah, khasiat mengunyah sirih dan elemen ketenangan yang dibawanya ini pernah disebut oleh penulis Portugis, Tome Pires dalam catatannya melalui *Suma Oriental* yang ditulis pada abad ke-16.

"Orang dahulu bukan seperti masyarakat zaman ini yang sempat bercinta sebelum berkahwin, sehingga memerlukan sirih dipersembahkan ketika memininang.

"Kandungan sirih itu membolehkan suasana tenang berlangsung, terutama jika keluarga kedua-dua belah pihak belum pernah mengenali antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, ketika peminangan, tuan rumah akan menjamah sirih dibawa tetamu dan pada ketika itulah mereka akan saling berbual untuk mengetahui mengenai anak masing-masing.

"Fungsi sirih dalam kehidupan masyarakat Melayu itu memperlihatkan ketinggian akal budi serta kearifan mereka terhadap kebaikannya, walaupun kandungan kimia di dalamnya tidak dijelaskan dengan terperinci pada zaman itu," katanya kepada *Sastera & Budaya BH* di ATMA, di sini.

Junaini berkata, penyelidikan dalam bidang farmasi sebelum ini turut mendapati kandungan tanin pada daun sirih turut memberi manfaat kepada kesihatan dalaman wanita dan lelaki, termasuk dalam aspek perkahwinan.

"Daripada kajian dalam bidang berkaitan, kita dapat melihat pelbagai kelebihan daun sirih dalam hal berkaitan perkahwinan.

"Bagaimanapun disebabkan masyarakat Melayu lama sangat menjaga kesantunan, hal itu tidak dibicarakan secara terbuka kerana dianggap sensitif atau tabu," katanya.

Beliau berkata, pemilihan daun sirih sebagai lambang dalam perkahwinan juga mem-



Penyelidikan mendapati kandungan tanin memberi manfaat kepada wanita, lelaki"

Junaini Kasdan,
 Felo Penyelidik ATMA UKM

perlihatkan akal budi orang Melayu, terutamanya dalam hal rumah tangga.

Peranan sirih

"Namun, masyarakat Melayu hari ini menganggap peranan sirih pinang sebagai hantaran dalam majlis pertunangan dan perkahwinan hanyalah sebagai simbol, hingga sewenang-wenangnya menggantikan sirih asli dengan sirih plastik," katanya.

Junaini berkata, kefahaman fikiran dan akal budi masyarakat Melayu tidak boleh dilihat melalui bahasa dan budaya semata-mata kerana orang Melayu tidak menuturkan semua yang dalam fikiran, sebaliknya berhati-hati dalam setiap tindakan dan pertuturan.

"Setiap kata-kata beralas dan tindakan juga perlu bijaksana bagi menjaga perasaan serta air muka lawan bicaranya," katanya.

Beliau berkata, adalah merugikan sekiranya akal budi yang ditunjukkan orang Melayu ini khususnya berkaitan gastronomi sirih tidak dilestarikan.

"Sudah banyak ujian makmal dirintis pengkaji dalam bidang berkaitan, justeru ia perlu diperluas kepada kajian klinikal supaya kita akan mendapat manfaat sepatutnya," katanya.